

Malaysia, Timor-Leste jalin kerjasama teroka bidang baharu

Penganugerahan tanah untuk bina bangunan kedutaan simbolik perkukuh hubungan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertemuan pemimpin Malaysia dan Timor-Leste memberikan peluang kepada kedua-dua negara menjalinkan kerjasama serta meneroka bidang baharu.

Ia termasuk sektor pembangunan desa, perumahan, industri halal, pemerkasaan sektor pelancongan yang semakin berkembang serta usaha Timor-Leste untuk menjadi anggota baharu di dalam ASEAN.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata ketika pertemuannya dengan Presiden Timor-Leste, José Ramos Horta dan Perdana Menteri, Kay Rala Xanana Gusmão, Malaysia turut dianugerahkan tanah seluas 6,000 meter persegi yang boleh dimanfaatkan untuk pembinaan Kedutaan Malaysia dan pelbagai kegunaan rakyat.

"Penganugerahan itu sebagai

simbolik memperkukuh hubungan dua hala di antara kedua-dua negara. Selain itu, usaha untuk meningkatkan perdagangan dua hala turut dilakukan dengan membuka peluang pembabit yang lebih luas kepada sektor swasta untuk memainkan peranan mereka.

"Dalam hal ini, saya sudah mencadangkan supaya TradeInvest Timor-Leste bagi menjalankan misi perdagangan dan pelaburan ke Malaysia dengan meneroka pelbagai peluang pelaburan yang berpotensi untuk manfaat kedua-dua negara.

"Malaysia melalui Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) juga terus komited untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan Timor-Leste di bawah rangka Kerjasama Selatan-Selatan.

"Setakat ini, Malaysia sudah melatih 781 peserta dari Timor-Leste melalui pelbagai kursus dan program bantuan teknikal yang ditawarkan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Lawatan tiga hari

Ahmad Zahid mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari bermula 28 Ogos lalu dalam usaha memperkukuh hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah memaklumkan, kementerian melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) akan



Zahid ketika menghadiri Ulang Tahun Referendum ke-25 di Parlimen Nasional, Timor-Leste. (Foto X Zahid Hamidi)

menjemput pemimpin dan pegawai Kerajaan dari Timor-Leste yang terbabit secara langsung dengan pembangunan luar bandar untuk hadir ke Malaysia.

"Ia khusus menawarkan peluang untuk mereka melakukan kajian kes dan menimba pengalaman Malaysia membangunkan luar bandar.

"Keberhasilan Program Lawatan Rasmi ke Timor-Leste ini turut diterjemah melalui pemetraian Surat Niat (LoI) antara Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Kementerian Pendidikan Tinggi Timor-Leste bagi merea-

lisasikan penubuhan pusat Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET) baharu di negara ini," katanya.

Mengulas lanjut mengenai lawatan berkenaan, Ahmad Zahid berkata, pihaknya turut meminta wakil Halal Development Corporation (HDC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) membantu usaha komuniti Islam di Timor Leste mewujudkan badan pensijilan bagi membangunkan potensi halal Timor-Leste.

Sementara itu, Ahmad Zahid memaklumkan pihak delegasi turut berbesar hati apabila dijemput

Kerajaan Timor-Leste menghadiri Majlis Ulang Tahun Referendum ke-25 (Popular Consultation Day) di Parlimen Nasional.

"Sambutan ini adalah suatu acara bersejarah buat Timor-Leste yang mana rakyatnya bertindak memilih untuk menjadi sebuah negara bebas dan merdeka, sekali gus bermulanya era baharu dalam sejarah negara ini.

"Mewakili Malaysia, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Timor-Leste yang menyambut Ulang Tahun Referendum ke-25 pada hari ini (semalam)," katanya.